

Bil. S 28

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PENCEN CARUMAN TAMBAHAN (PINDAAN), 2014

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa.
 2. Pindaan bab 2 dari S 38/2010.
 3. Penggantian bab 3.
 4. Pemasukan bab 3A baru.
 5. Pindaan bab 4.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PENCEN CARUMAN TAMBAHAN (PINDAAN), 2014

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pencen Caruman Tambahan (Pindaan), 2014 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Januari 2012.

Pindaan bab 2 dari S 38/2010.

2. Bab 2 dari Perintah Pencen Caruman Tambahan, 2009, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda, dalam takrifan “Lembaga”, dengan memotong “3(1)” dari baris akhir dan menggantikannya dengan “3”.

Penggantian bab 3.

3. Perintah utama adalah dipinda dengan memansuhkan bab 3 dan menggantikannya dengan bab baru yang berikut —

“Penubuhan Lembaga Pencen Caruman Tambahan.

3. Adalah dengan ini ditubuhkan suatu lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Pencen Caruman Tambahan.”.

Pemasukan bab 3A baru.

4. Perintah utama adalah dipinda, dengan memasukkan sejurus selepas bab 3, bab baru yang berikut —

“Lantikan Pengarah Urusan.

3A. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah melantik seorang Pengarah Urusan.”.

Pindaan bab 4.

5. Bab 4 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dengan memotong cerai (1) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(1) Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut —

(a) seorang Pengerusi;

(b) tidak lebih daripada dua orang Timbalan Pengerusi;

(c) Pengarah Urusan;

(d) orang lain yang daripada mereka itu tidak kurang daripada lima orang adalah wakil-wakil Kerajaan.”;

(b) dengan memotong cerai (2) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(2) Ahli-ahli yang disebut dalam cerai 1(a), (b) dan (d) hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dan notis lantikan mereka itu hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.”;

(c) dalam cerai (5), dengan memotong “pengerusi dan timbalan pengerusi” dari baris pertama dan kedua dan menggantikannya dengan “Pengerusi dan Timbalan-Timbalan Pengerusi.”.

Diperbuat pada hari ini 6 haribulan Sya’aban, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 4 haribulan Jun, 2014 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM